

# Industri halal perlu akses kewangan Islam

BH - 6/11/2019 m/s: 20

**Pengeluaran perlu seiring pembiayaan patuh syariah**

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
Wazzan@bh.com.my

**Hanya** sebilangan kecil penggiat produk halal termasuk perusahaan kecil sederhana (PKS) yang menggunakan instrumen kewangan dan perbankan Islam, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, peniaga bukan saja perlu memberi tumpuan kepada pengeluaran halal, malah apa yang lebih penting mengamalkan cara Islam dari segi pembiayaan.


Beliau berkata, apabila pembiayaan menggunakan kaedah Islam, ia memenuhi keperluan penjenamaan halal sebenar.

“Saya mengakui, masih belum ada akses mencukupi kepada kewangan Islam bagi pertumbuhan PKS dalam sektor halal kerana kebanyakan PKS yang patuh syariah berdepan kesukaran mendapatkan pembiayaan Islam yang sesuai.

“Akibatnya, kebanyakan PKS tempatan yang mengeluarkan produk halal berdepan masalah memanfaatkan permintaan dan bekalan dalam pasaran halal di seluruh dunia,” katanya dalam ucapan perasmian sempena Perbincangan Meja Bulat dan Kelas Induk Tentang Inklusi Halal anjuran Pusat Pengajian Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Bank Pembangunan Islam di Putrajaya, semalam.

Dr Wan Azizah berkata, tindakan perlu diambil untuk menjadikan kewangan Islam sebahagian daripada ekosistem halal.

Beliau berkata, lebih banyak usaha dan perhatian bersepadu perlu ditumpukan kepada PKS kerana mereka adalah pemacu kerja baharu dan inovasi dalam perniagaan halal.

 **Saya akui, masih belum ada akses mencukupi kepada kewangan Islam bagi pertumbuhan PKS dalam sektor halal kerana kebanyakan PKS patuh syariah berdepan kesukaran dapatkan pembiayaan Islam sesuai.**

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,**  
Timbalan Perdana Menteri

“Dengan pembiayaan lebih baik, saya percaya lebih ramai penggiat industri akan mendapat dorongan untuk mengembangkan produk dalam industri halal.

“Bagi penggiat industri sedia ada, ia akan memberi hala tuju lebih jelas untuk membangunkan strategi supaya terus berdaya saing dan memenuhi pelbagai cabaran disebabkan globalisasi, teknologi dan liberalisasi perdagangan,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia mampu menjadi pusat tumpuan bagi perdagangan produk halal dengan menjadi destinasi utama bagi pameran perdagangan dan perniagaan halal.

“Menggunakan Malaysia sebagai hab berpotensi, pengeluar halal dapat dengan mudah menembusi pasaran halal tradisional seperti Asia Tenggara dan Asia Barat serta pasaran berpotensi lain termasuk Afrika Utara, Eropah dan China.

“Tidak mustahil untuk Malaysia memimpin dalam menentukan, menyelaras dan memasarkan pelbagai produk dan perkhidmatan halal yang boleh didapati di seluruh dunia dengan kepakaran diperoleh sejak bertahun lamanya,” katanya.